

## **KEPIMPINAN DALAM ISLAM: HAKIKAT, FUNGSI DAN CITRA**

**RASID BIN MUHAMAD**  
Unit Pengajian Islam,  
Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Pahang, Kampus Jengka

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini meninjau konsep kepimpinan dari sudut kaca mata Islam. Penumpuan yang diberikan ialah pada aspek peranan, sifat dan watak seorang pemimpin yang dituntut oleh Islam seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan Hadith dan dihuraikan dengan lebih lanjut oleh ulamak-ulamak agung.

### **MUKADDIMAH**

Pepatah adat ada menyatakan “elok negeri kerana pemimpin” menyerlahkan bahawa pengaruh dan peranan kepimpinan adalah cukup besar dalam sesebuah masyarakat dan negara. Dalam banyak keadaan, maju mundurnya sesuatu ummah, bangsa, masyarakat atau organisasi amat ditentukan oleh watak dan keunggulan pemimpin dalam sesuatu ummah, bangsa, masyarakat atau organisasi tersebut. Atas kepentingan kepimpinan ini, Allah telah melantik manusia sebagai khalifahNya di dunia ini agar manusia dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya. Untuk memantapkan lagi kepimpinan manusia ini Allah telah mengutuskan para nabi dan rasul agar dapat dijadikan contoh, ikutan dan teladan kepada umat manusia sejagat, teristimewa buat mereka yang ingin menjadi pemimpin. Sebarang usaha untuk mencari jalan lain dari mengikut keteladanan kenabian dan kerasulan akan mengundang pelbagai masalah dan penyelewengan dari jalan yang sebenarnya.

Islam melihat kepimpinan sebagai satu amanah (yang dipertanggungjawabkan) dan bukannya satu “ghanimah” (harta rampasan perang) yang direbut-rebut. Ia adalah satu taklif (tanggungjawab) dan bukannya satu “tasyrif” (penghormatan). Oleh itu semakin tinggi tahap kepimpinan seseorang bukan bererti semakin tinggi status dan keuntungan kebendaan yang akan diraih, tetapi semakin besarlah amanah yang dipikul dan semakin banyak pulalah soalan yang akan ditanya kepadanya. Sesungguhnya, manusia akan tetap ditanya berdasarkan kepada tahap dan kedudukan kepimpinannya sebagaimana sabda Rasulullah (SAW), yang bermaksud:

“Ketahuilah bahawa setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap kepimpinannya. Pemimpin (ketua negara) adalah bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan akan ditanya akan kepimpinannya, suami adalah pemimpin keluarganya dan akan ditanya tentang tanggungjawabnya. Isteri adalah pemelihara di dalam rumah tangga suaminya dan akan ditanya tentangnya. Pekerja bertanggungjawab terhadap harta tuannya dan akan dipersoalkan tentang itu. Kamu semua adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipersoalkan tentang tanggungjawab yang dipertanggungjawab kepada kamu”

(Riwayat Muslim)

Dalam konteks negara Islam kepimpinan itu diberi pelbagai gelaran atau nama seperti “amir al-Mukminin”, khalifah, imam, sultan dan sebagainya. Kepimpinan dalam Islam meliputi pelbagai dimensi dan peringkat seperti negara, organisasi, masyarakat, keluarga dan seterusnya yang harus berjalan dengan berkesan demi kemanfaatan dan maslahat ummah secara keseluruhannya.

### PERANAN PEMIMPIN

Pemimpin mempunyai tanggungjawab dan peranan tertentu yang seharusnya dimainkan. Secara umum pemimpin Islam perlu melaksanakan tugas-tugas utama yang antara lainnya meliputi perkara-perkara berikut:

1. Melaksanakan amalan wajib yang merupakan kewajipan asas sebagai seorang muslim sejati seperti mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan amalan wajib yang lain. Ini sejajar dengan firman Allah (SWT):

“Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami, dan telah Kami wahyukan kepada mereka (agar mereka) mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah”

(al-Anbiya(21):73)

2. Pemimpin juga berperanan untuk menegakkan kebenaran dan merealisasikan keadilan dalam ertikata merujuk kepada usaha untuk meletakkan sesuatu agar tepat pada posisinya dalam seluruh kegiatan dan tindakan. Dengan cara ini baharulah kezaliman dapat dinyahkan dari terus hidup dan berkembang dalam masyarakat. Ini bersesuaian dengan firman Allah:

“Wahai orang-orang yang beriman. Jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kepada Allah, biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibubapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya atau miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin, menyimpang dari kebenaran”

(an-Nur(4):135)

3. Amanah kepimpinan dalam Islam juga meliputi usaha-usaha untuk mempertahankan agama dan memtadbir kehidupan dunia seluruh agar selaras dan bersendikan tuntutan agama. Inilah yang disebut oleh Abu Ya'la dalam karyanya al-Ahkam al-Sultaniyah sebagai “memelihara agama dan mengatur urusan dunia berdasarkan agama. Abdul Karim Zaidan (1979) telah menghuraikan antara tugas memelihara dunia ialah memperkembangkan ajaran Islam dengan menerapkan peraturan-peraturan Islam dalam semua urusan kehidupan, mengajak manusia mentaati Allah, menghapuskan kemungkarannya. Menakala mengatur kehidupan dunia pulailah dengan cara menjalankan keadilan, serta memelihara keamanan dan ketenteraman. Di samping pemimpin harus memanfaatkan segala sumber yang ada demi kemaslahatan ummah sejagat. Dalam hal ini Allah berfirman:

“Dia {Allah} telah menciptakan dari bumi dan menjadikan kamu orang yang memakmurkannya”

(Hud (11):61)

4. Pemimpin juga harus mampu berfungsi sebagai pendorong, pendidik dan pengasuh serta contoh teladan kepada orang yang lain. Dengan cara ini konsep “pemimpin pendidik” dapat diwujudkan dalam masyarakat, yang mana pemimpin bukan hanya “pengarahan” tepi sekaligus sebagai guru, pendidik serta model yang dapat diikuti oleh orang lain. Firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) Hari Kiamat dan dia menyebut Allah.”

(Al-Ahzab(33) 21)

5. Amanah kepimpinan juga melibatkan pemeliharaan kemuliaan insan. Sebagai mana yang diketahui manusia mempunyai hak dan maruah yang perlu dipertahankan. Oleh itu, pemimpin harus mempertahankannya dari dicabuli oleh mana-mana pihak. Allah telah berfirman, yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan. Kami beri mereka rezeki dari yang baik- baik, dan

Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.”

(Al-Isra” ( 17 ) 70)

6. Melaksanakan etika kepemimpinan Islam yang asasi, seperti menghayati semangat syura dalam kegiatan yang ingin dilaksanakan . Ini sejajardengan ajaran Al –Quran dan sunnah Rasulullah (s.a.w.). Firman Allah:

“Dan segala urusan mereka, dimesyuarat sesama mereka.

(Al –Syura (42) 38)

Dan firman Allah lagi yang bermaksud:

“Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu.”

(Ali –Imran (3) 159)

Baginda nabi Muhammad (S.A.W.)telah diriwayatkan oleh sahabat yang bermaksud:

“Tidak aku lihat orang yang paling banyak berunding dengan sahabatnya selain Rasulullah.”

Ringkasnya, pemimpin dalam tradisi Islam ialah manusia muslim yang benar – benar menghayati prinsip kehambaan dan kekhilafahan di dunia ini, yang bukan hanya dapat berperanan untuk kebaikan diri sendiri, tetapi juga bermanfaat untuk manusia dan makhluk yang lain.

### SIFAT DAN WATAK PEMIMPIN

Pemimpin adalah pemegang amanah. Untuk membolehkan seseorang itu mampu berperanan secara berkesan sebagai seorang pemimpin, ia perlulah mempunyai sifat dan watak yang unggul. Jikalau nabi dan rasul itu,sebagai model pimpinan sejagat, mereka juga mempunyai sifat- sifat yang wajib iaitu amanah, benar, menyampaikan (tabligh) dan bijaksana . Dan dalam konteks kepemimpinan umat Islam, sifat- sifat ini perlu dihayati oleh mereka .

Sarjana dan pemikir Islam di sepanjang sejarah dalam tulisan mereka tantang ketatanegaraan, seringkali memfokuskan tentang sifat dan watak yeng perku ada pada seorang pemimpin. Al-marhum Ustaz Abdul Wahab bin Zakaria (1994) telah menghuraikan syarat asas bagi melayakkan seseorang itu menjadi pemimpin.Di antara sifat tersebut termasuklah:

1. Muslim, akil baligh dan lelaki.
2. Adil, iaitu tidak fasiq, seumpama tidak meninggalkan sembahyang dan mengamalkan apa yang diketahui secara nyata. Tidak menyalahi kata-katanya akan perbuatannya. Tidak menyalahi kitab Allah dan sunnah Rasulullah (SAW).
3. Berilmu, dalam ertikata ia mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan fardhu ain dan fardhu kifayah sehingga dapat membezakab di antara yang makruf dengan yang mungkar. Mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan kepimpinan.
4. Mempunyai qudrat atau kemampuan, yang bermaksud mampu bertindak bagi menyelesaikan sesuatu urusan sama ada menggunakan tenaga, perkataan, tulisan atau fikiran di dalam apa jua suasana pun.
5. Beradab mengikut akhlak Islam, ertinya seorang pemimpin haruslah mampu memberi contoh teladan mengikut akhlak Islam kepada diri dan orang yang dipimpinya. Selain itu di dalam dirinya mengandungi sifat ikhlas, jujur. Tidak angkuh, ria' dan sebagainya. Ringkasnya terkumpul di dalam dirinya sifat-sifat terpuji dan jauh dari sifat-sifat keji atau tercela.
6. Sempurna pancaindera dan sihat tubuh badan.

Imam al-Ghazali, dalam kitabnya *Nasihatul Muluk* (Nasihat Untuk Penguasa) (1994), telah menghuraikan peranan dan sifat yang sepatutnya ada pada seorang pemimpin. Pemimpin, menurutnya perlu menegakkan keadilan, dan keadilan tidak menungkin dapat ditegakkan kecuali penguasa atau pemimpin itu melaksanakan prinsip-prinsip keadilan. Yang sekaligus merupakan sifat-sifat utama seorang pemimpin, iaitu:

1. Seorang pemimpin itu, perlu mengetahui tanggungjawab, batas serta bidang kuasanya. Hal ini kerana kekuasaan yang ada itu adalah amanah Allah yang harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin.
2. Seorang pemimpin itu harus boleh dan senang untuk bergaul serta mendengar saranan ulama'. Di samping teliti terhadap saranan yang mungkin dikemukakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.
3. Pemimpin harus bertanggungjawab terhadap orang bawahan iaitu dengan melayan mereka dengan baik dan adil, di samping mendidik mereka ke arah yang lebih sempurna. Di samping itu mengetahui masalah yang dihadapi dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu dan berpatutan.
4. Pemimpin juga perlu bersifat penyantun dan tidak sombong dan dapat mengawal diri dari kemarahan yang tidak perlu, kerana kemarahan itu sifat yang akan mengundang masalah dan kecelakaan.

5. Pemimpin yang adil tidak perlu mementingkan diri, iaitu sentiasa membayangkan dirinya sebagai seorang biasa dan melakukan sesuatu yang sesuai sebagai seorang biasa. Dengan itu, ia akan terhindar dari melakukan sesuatu yang di luar batasan walaupun ia sebenarnya sebagai seorang pemimpin. Tidak mementingkan diri ini melibatkan hal-hal yang pelbagai samaada dalam bentuk kebendaan, pemikiran, perasaan dan sebagainya.

6. Pemimpin yang baik perlu mempunyai iltizam dan sifat perihatin yang tinggi terhadap tugas. Jikalau ia didatangi seseorang dan ia memerlukan sokongan dan bantuan, pemimpin haruslah cepat bertindak, dan meninggalkan perkara-perkara sampingan termasuk amalan-amalan yang sunat.

7. Pemimpin yang unggul itu perlu mampu mengendalikan nafsunya dan ia dapat hidup sederhana dan dapat menghayati sifat qana'ah (iaitu menerima apa yang ada), dan tidak berlebih-lebihan dalam berpakaian dan makan minum.

8. Pemimpin juga perlu melakukan sesuatu dengan lemah lembut, tidak kera dan kasar. Hal ini sejajar dengan sabda Rasulullah (SAW) yang bermaksud;

“Setiap pemimpin yang tidak bersifat lemah lembut epada rakyatnya, maka Allah akan memperlakukan yang serupa kepadanya kelak di hari kiamat.”

9. Pemimpin perlu mencintai orang bawahan dan melakukan sesuatu yang boleh membuatkan orang bawahannya senang dan rela, sesuai dengan tuntutan dan kehndak agama. Ia juga perlu berhati-hati terhadap puji-pujian, sikap manis muka orang yang tidak ikhlas. Di samping perlu juga bertanya tentang kelemahan diri dari mereka yang ikhlas dan objektif.

10. Seorang pemimpin itu tidak akan dapat berlaku adil jikalau ia tidak ikhlas dalam amalannya. Oleh itu ia perlu menjadi orang yang ikhlas dalam segala urusannya. Di samping ia perlu memilih keredhaan Allah mengatasi kerelaan manusia.

Ibnu Khaldun dalam karyanya yang cukup terkenal al-Muqaddimah, telah juga membincangkan sifat-sifat yang perlu ada pada seorang pemimpin. Antara lain sifat-sifat tersebut termasuklah:

1. Suka menegakkan perbuatan yang baik dan menghidupkan sifat-sifat yang baik.
2. Suka menolong orang yang memerlukan pertolongan tanpa memilih kedudukan.

3. Suka memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang jikalau ia bersesuaian dan kena pada tempatnya.
4. Suka melayan dan melindungi pihak yang lemah dan memerlukan pertolongan.
5. Murah hati terhadap tetamu.
6. Memelihara dan memberi bantuan kepada orang yang miskin dan memerlukan.
7. Sabar dalam kesusahan
8. Jujur dalam kata-kata dan tingkal laku
9. Menghormati agama dan alim ulama'
10. Menghormati guru dan orang tua.
11. Tidak sombong kepada orang miskin
12. Suka mendengar teguran dan kritikan membina.
13. Mempunyai semangat untuk bersatu
14. Menghargai dan menghormati kawan.
15. Meletakkan orang-orang yang berkeelayakan diposisi yang diperlukan dan sesuai.
16. Menjauhi hidup mewah yang boleh memerosotkan sifat kemajuan.

Dalam konteks pemikiran ketatanegaraan di Alam Melayu, Bukhari al-Bukhari dalam kitabnya *Tajus-Salatin* (Mahkota Raja-raja) telah membincangkan sifat penguasa atau pemimpin. Beliau telah menghuraikan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seorang bagi membolehkan ia menjadi pemimpin. Antara syarat-syarat tersebut termasuklah:

1. Ia perlu melakukan sesuatu sebagai kebaktian kepada Allah, dan memelihara batas dan hukum Allah.
2. Ia perlu bersyukur terhadap nikmat yang dilimpahkan oleh Allah, dan berbelanja secara berhemat dan cermat.
3. Ia perlu amanah dan berhati-hati dalam menggunakan harta negara, dan perlu mengelakkan daripada pembaziran dan amalan yang

sia-sia.

4. Ia perlu mampu menambah perbendaharaan dan harta negara atau jabatan dengan cara yang betul, dan bukan untuk kepentingan diri.
5. Ia mampu mempraktikkan penggunaan harta dan peralatan (negara) digunakan oleh mereka yang sah dan sepatutnya.
6. Ia mampu memberi teguran dan nasihat kepada orang atasan terutamanya, apabila terdapat perkara yang buruk dan bertentangan dengan tuntutan agama.
7. Ia mampu memberi nasihat kepada pihak atasan (raja) yang mengamalkan perilaku dan perbuatan yang tidak wajar, agar meninggalkan sifat tersebut ,kerana kejatuhan sesebuah kerajaan itu amat berkaitan dengan perbuatan yang sedemikian.
8. Pemimpin hendaklah mampu menguruskan harta dengan cara yang benar-benar berkesan, terutama dengan menyediakan persediaan-persediaan yang perlu bagi menghadapi sebarang kemungkinan.
9. Pemimpin hendaklah mampu mengumpulkan maklumat yang tepat, dan bertindak serta bersedia berdasarkan maklumat yang tepat tersebut.
10. Pemimpin hendaklah tidak membesar-besarkan diri, dan bertindak kasar dengan orang bawahan.
11. Pemimpin hendaklah menyantun golongan lemah dan miskin serta melindungi mereka dari siksaan dan penghinayaan golongan yang tidak bertanggungjawab.
12. Pemimpin hendaklah benar-benar memahami implikasi setiap tindakan yang dilakukan dan bertindak dengan penuh sedar dan berhati-hati.
13. Pemimpin perlulah melakukan sesuatu tindakan berdasarkan ilmu bukan bertindak sebaliknya.
14. Pemimpin perlulah mempunyai keyakinan diri, tekad yang kuat dan iltizam yang kuat dalam apa jua usaha yang ingin dilakukan.
15. Pemimpin hendaklah mempunyai sifat baik hati dan pemurah dalam hidupnya.
16. Pemimpin perlu mengenal pasti mereka yang telah memberi sumbangan dan bakti,serta memberi pengiktirafan dan balasan yang sewajarnya kepada mereka.



17. Pemimpin perlu menghalang segala bentuk fiknah yang boleh mempengaruhi dan merosakkan mas fiknah yang boleh mempengaruhi dan merosakkan masyarakat
18. Pemimpin perlu sentiasa mengingati Allah kerana apa yang dikecapi nya itu adalah dari limpah kurnia Allah jua.
19. Di dalam menjalankan hukuman, pemimpin perlulah adil dan berlandaskan kepada kebenaran agar tidak mendatangkan kemudharatan dan penyesalan.
20. Pemimpin perlu elok pekertinya, melaksanakan kebenaran dan mengamalkan yang baik-baik.
21. Pemimpin perlu menegur segala kesilapan yang dilakukan oleh pihak atasan dengan pendekatan yang bijaksana dan beradab, agar dengan cara itu teguran yang dilakukan dapat diterima dengan baik.
22. Pemimpin hendaklah memastikan pihak atasan tidak di pengaruhi oleh golongan biada' dan sesat, kerana golongan itu akan mendatangkan mudharat kepada masyarakat secara keseluruhannya.
23. Pemimpin ketika mendapat nikmat perlu sentiasa mengingati kebesaran Allah, dan melakukan kebaikan kepada hamba kepada hamba dan makhluk Allah, terutama kepada mereka yang lemah dan kurang berkemampuan.
24. Pemimpin perlu memperbaiki diri agar bahagia di dunia dan di akhirat, di samping di sukai oleh masyarakat.
25. Pemimpin perlu pandai memilih kawan yang baik yang mampu memberi kebaikan dan pertolongan terutama dalam pekerjaan yang sukar dan sulit.
26. Pemimpin perlu menjauhi sifat khianat dan menginaya orang lain kerana perbuatan tersebut akan membawa dosa.
27. Pemimpin hendaklah memilih mereka yang layak, berkemampuan dan sesuai untuk satu-satu tugas, agar dengan itu ,pentadbiran yang akan bertambah cekap dan sempurna.

Sifat –sifat pemimpin yang banyak diperkatakan oleh ramai sarjana dan pemikir yang antara lainnya dihuraikan di atas, menjelaskan bahawa pemimpin itu adalah golongan terpilih dalam masyarakat, dan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang cukup

besar. Tanpa keunggulan diri tidak mungkin mereka dapat berperanan dengan sebaik-baiknya. Pemimpin yang baik itu bukan hanya dapat menguruskan negara atau jabatannya sahaja, tetapi dalam banyak hal ianya amat dikehendaki oleh masyarakat. Perbilangan Melayu telah mengungkapkan, pemimpin yang baik itu laksana:

Pohon rendang di tengah padang,  
Batangnya untuk bersandar,  
Dahannya untuk bergantung,  
Buahnya untuk dimakan,  
Daunnya untuk berlindung.

### KESIMPULAN

Manusia secara umumnya mempunyai amanah kepimpinan pada tahap yang akan di pertanggungjawabkan. Walaupun semua manusia itu "pemimpin" dalam maksud yang longgar, namun tidak semua manusia dapat berperanan dengan baik dan berkesan berdasarkan neraca keislaman. Untuk itu, pemimpin harus mengetahui bidang kuasa dan tugasnya, dan melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Dan untuk membolehkan ia menjadi pemimpin, seseorang itu perlu menghiasi dirinya dengan sifat-sifat terpuji dan menghindari sifat-sifat terkeji. Denganciri-ciri itu seseorang itu bukan hanya akan terbina dirinya sebagai individu yang baik, tetapi mampu menjadi pemimpin yang unggul yang dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara serta dunia sejagat.

### SUMBER RUJUKAN.

1. Al-quran dan terjemahannya
2. Hadith, Rasulullah (s.a.w.)
3. Bukhari Al Jauhari, TAJ US-SALATIN.(1992) Kuala Lumpur (DBP)
4. Yusof Ismail, MENGURUS SECARA ISLAM, (1991) Kuala Lumpur (A. S. Noordeen)
5. Muhamad Sulaiman Haji Yasin, EMPAT KONSEP ASAS DALAM ISLAM, (1983) Kajang (Arrahmaniah)
6. Abdul Wahab Zakaria, KONSEP KEPIMPINAN DALAM ISLAM, (1994) Petaling Jaya (ABIM)
7. Nazmi Ghazali Azmi Al -Naghazi, AL -BALED AL- MUNTAZAR, (NEGARA HARAPAN ) 1992, Petaling Jaya .(ABIM)
8. Al -Ghazali, NASIHAT BAGI PENGUASA,(1994) Bandung, (Mizan)

9. Abdul Karim Zaidan ,DASAR-DASAR ILMU BAHASA(1) (1979), Bandung, (Media Dakwah)
10. Rasid Muhamad , ISLAM : KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN (1993) Kuala Lumpur, (Arena Ilmu)